



## IKLAN JAWATAN KOSONG

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Sumber Manusia mempelawa individu yang berminat dan berkelayakan bagi mengisi kekosongan Jawatan di PTPK seperti berikut:

- 1. JAWATAN** : **PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT**  
**GRED JAWATAN** : **FA29**  
**PENEMPATAN** : **IBU PEJABAT PTPK, PWTC KUALA LUMPUR**  
**TARAF JAWATAN** : **PEKERJA SAMBILAN HARIAN**  
**GAJI** : **RM72.00 SEHARI**  
**SYARAT LANTIKAN** 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:  
a) Diploma dalam bidang Sains Komputer atau Teknologi Maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** 2. Memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**KEUTAMAAN** 3. Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang:  
i. Tamat tempoh pengajian tidak lebih daripada lima (5) tahun daripada Tahun Semasa;  
ii. Tiada pengalaman kerja/ mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan dengan bidang Teknologi Maklumat; dan  
iii. Tidak mempunyai kaitan secara langsung/ tidak langsung dengan pembiayaan PTPK sama ada sebagai Peminjam/ Penjamin/ Pewaris dan sebagainya.
- 2. JAWATAN** : **PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI)**  
**GRED JAWATAN** : **N19**  
**PENEMPATAN** : **IBU PEJABAT PTPK, PWTC KUALA LUMPUR**  
**TARAF JAWATAN** : **PEKERJA SAMBILAN HARIAN**  
**GAJI** : **RM54.00 SEHARI**  
**SYARAT LANTIKAN** 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:  
a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** 2. Memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### SYARAT PERMOHONAN:

Terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh iklan ini dikeluarkan.

**PEMATUHAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN:**

Calon-calon yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

**CARA MEMOHON:**

1. Calon-calon yang berminat adalah dipelawa mengemukakan permohonan dengan menggunakan borang permohonan secara manual yang boleh didapati di Cawangan Pengurusan Sumber Manusia (PSM), PTPK atau melalui laman web rasmi PTPK di [www.ptpk.gov.my](http://www.ptpk.gov.my) **beserta keterangan peribadi yang lengkap (resume/ curriculum vitea)** mengenai kelayakan dan pengalaman.
2. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar selewat-lewatnya **3 Ogos 2018** ke alamat:

**Ketua Eksekutif  
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran  
Kementerian Sumber Manusia  
Aras 12C, 15-19 & 27, Menara Dato' Onn  
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)  
No. 45 Jalan Tun Ismail  
50530 Kuala Lumpur  
(u.p: Cawangan Pengurusan Sumber Manusia)**

Nama jawatan yang dipohon hendaklah dicatatkan di sudut atas sebelah kiri sampul surat.

3. Sebarang permohonan yang tidak lengkap tidak akan dilayan dan akan dianggap tidak berjaya.

**PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI:**

Sebarang pertanyaan boleh hubungi pegawai seperti berikut:

	<u>Nama</u>	<u>No. Telefon</u>	<u>E-mel</u>
1.	Puan Siti Hajar binti Ahmad	03-4047 6163	SitiHajarAhmad@ptpk.gov.my
2.	Encik Rosmadi bin Ngatniman	03-4047 6096	rosmadi@ptpk.gov.my